



CHAKRIN UTIT

# Apa kesan kenaikan gaji kepada harga barang?

**K**OMITMEN yang didasarkan kepada usaha peningkatan tingkat pendapatan merupakan satu manifestasi penghargaan kerajaan kepada golongan pekerja yang merupakan kesuma bangsa atau harapan dalam menerajui arah pembangunan negara.

Ini disampaikan dalam Ucapan Hari Pekerja dan Perutusan Negara oleh Perdana Menteri pada Mei 2024 memberikan mesej jelas mengenai komitmen kerajaan terhadap usaha menambahbaik taraf hidup penjawat awam dan pekerja swasta di Malaysia.

Dalam konteks sektor awam, usaha meningkatkan pendapatan disokong sepenuhnya oleh tindakan proaktif kerajaan untuk menaikkan tingkat gaji penjawat awam bermula pada Disember 2024.

## RISIKO KENAIKAN GAJI DALAM JANGKA PENDEK TERHADAP TINGKAT HARGA

Masyarakat secara umumnya melihat kenaikan gaji pada kadar yang tinggi dalam jangka pendek berkemungkinan menyebabkan tingkat harga di pasaran meningkat dengan mendadak.

Walaupun pendekatan tersebut dilihat merupakan langkah wajar bagi membantu memperbaiki taraf hidup penjawat awam dan menambahbaik kualiti perkhidmatan awam, risikonya terhadap kenaikan harga barangan dan perkhidmatan tidak boleh dipandang ringan.

Tidak salah masyarakat beranggapan sedemikian disebabkan ada kewajarannya. Namun untuk menjawab persoalan ini, kita tidak boleh berlandaskan kebimbangan umum semata-mata.

Berdasarkan pemerhatian Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ke atas 86 negara, tiga faktor dilihat memainkan peranan penting untuk menentukan impak kenaikan harga disebabkan peningkatan gaji penjawat awam.

Ia melibatkan saiz sektor awam berbanding sektor swasta, keberkesanan langkah kawalan inflasi dalam negara, dan tindak balas sektor swasta kepada kenaikan gaji dalam sektor awam.

Daripada aspek saiz sektor awam, laporan IMF bertajuk *Public-Private Wage Differentials and Interactions*



**LAPORAN** Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyatakan tiga faktor iaitu saiz sektor awam, inflasi dan sektor swasta dilihat memainkan peranan penting dalam menentukan impak kenaikan harga disebabkan peningkatan gaji penjawat awam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

**“**  
**Dalam konteks situasi inflasi semasa, sekiranya peningkatan gaji dalam sektor awam dilakukan dalam tempoh negara berhadapan dengan tingkat inflasi yang tinggi, harga dijangka akan meningkat dengan lebih ketara.”**

*Across Countries and Time* menyatakan wujud hubungan positif antara faktor ini dengan tingkat harga.

Magnitud peningkatan harga dianggarkan bertambah selaras saiz sektor awam. Ini bermakna, semakin besar saiz sektor awam, maka impak harga akan menjadi semakin besar.

Dalam konteks situasi inflasi semasa, sekiranya

peningkatan gaji dalam sektor awam dilakukan dalam tempoh negara berhadapan dengan tingkat inflasi yang tinggi, harga dijangka akan meningkat dengan lebih ketara.

Kajian terbabit mengunjurkan peningkatan gaji penjawat awam sebanyak 1 peratus dalam tempoh tersebut akan membawa kepada 0.44 peratus peningkatan harga pengguna.

Oleh itu, peningkatan gaji lebih sesuai dilakukan dalam tempoh situasi inflasi yang meningkat sederhana dan tidak menerima pengaruh yang terlalu kuat daripada persekitaran luaran.

Di samping itu, persoalan mengenai bagaimana pergerakan gaji sektor awam mampu mempengaruhi pergerakan gaji sektor swasta turut memainkan peranan penting.

Bagi negara yang mempunyai kesatuan sekerja sektor swasta yang kuat, pergerakan dalam tingkat gaji sektor awam kebiasaannya akan dijadikan penanda aras dalam langkah menuntut kenaikan gaji pekerja swasta. Sekiranya situasi ini

berlaku, terutamanya dalam tempoh situasi inflasi semasa yang tinggi, harga barangan dan perkhidmatan akan melambung.

Daripada sudut pandang lain, kajian yang dijalankan oleh *Institute for Public Policy Research (IPPR)*, iaitu sebuah kumpulan pemikir dasar awam di United Kingdom (UK) membuktikan bahawa kenaikan gaji penjawat awam sebenarnya tidak memberikan impak besar kepada pergerakan harga dalam pasaran di negara itu.

IPPR menganggarkan kenaikan sebanyak 10.5 peratus tingkat gaji di UK pada tahun 2023 untuk mengekalkan kadar upah benar mengikut tempoh 2019/2020, cuma meningkatkan harga di pasaran sebanyak 0.14 peratus.

Kajian tersebut seterusnya menyangkal kebimbangan masyarakat UK mengenai jangkaan peningkatan harga yang mendadak.

Turut ditegaskan, tanpa kenaikan gaji yang sepadan dengan pergerakan inflasi, sektor awam akan mengalami masalah kemerosotan taraf

hidup penjawat awam dan kualiti perkhidmatan awam, serta isu berkaitan pengambilan pekerja.

## KERAJAAN PERLU BERSEDIADENGAN STRATEGI PENGURUSAN RISIKO

Tidak disangkal kenaikan gaji penjawat awam penting bagi memastikan kebajikan mereka terjaga dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan terus menjadi sektor pekerjaan yang relevan dan dipandang tinggi di masa hadapan.

Sehubungan itu, kerajaan perlu segera menyiapkan semua jenteranya dengan strategi pengurusan risiko yang bersesuaian. Ini melibatkan usaha memapankan pengurusan fiskal negara yang merangkumi aspek asas hasil dan perbelanjaan kerajaan. Melalui Perutusan Negara, dua aspek tersebut nyata sudah menerima tumpuan utama.

Perhatian kerajaan kepada strategi pengurusan risiko melalui usaha memapankan pengurusan fiskal negara akan dapat mengurangkan impak kenaikan gaji penjawat awam kepada harga barangan dan perkhidmatan.

Ini demikian kerana kerajaan tidak perlu menggunakan komponen hutang bagi menampung peningkatan kadar gaji seperti yang dilakukan di beberapa negara lain, terutamanya dalam tempoh mencabar pasca pandemik. Situasi ini sekaligus mengelakkan peningkatan bebanan hutang negara yang kini telah berada sekitar 64.3 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Keseluruhannya, peningkatan gaji merupakan satu keperluan dalam mana-mana sistem ekonomi bagi membolehkan rakyat dapat mengekalkan taraf hidup mereka disebabkan harga barangan dan perkhidmatan akan terus meningkat.

Oleh itu, strategi pengurusan risiko yang berkesan perlu disediakan kerajaan dari sudut pelbagai jangka masa bagi menangani isu berkaitan kenaikan harga.

DR. Chakrin Utit ialah Pensyarah Kanan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia.